

Selasa, 18 Jun 2019 | 4:01pm

## Geng Gemuk tak serik seleweng LPG

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**NIBONG TEBAL:** 'Geng Gemuk' yang tidak serik melakukan kes penyelewengan gas petroleum cecair (LPG), sekali lagi diserbu penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), jam 6 pagi tadi.

Sindiket yang dipercayai menjalankan kegiatan itu sejak tiga tahun lalu dan sudah beberapa kali diserbu itu, beroperasi dalam sebuah premis di kawasan terpencil di Kampung Teluk, di sini.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Seberang Perai Tengah (SPT), Ahmad Ahrazzuddin Ahmad Hamdan, berkata sindiket itu juga mengupah tonto untuk mengawasi premis berkenaan ketika pekerja sedang menjalankan pemindahan LPG daripada tong subsidi ke tong industri.

Beliau berkata, serbuan ke atas premis berkenaan dibuat selepas pemerhatian dijalankan sejak dua minggu lalu.

Katanya, bagaimanapun tiada sebarang tangkapan dibuat kerana suspek melarikan diri, dipercayai selepas pihak tonto yang berlegar di kawasan berhampiran menyalurkan maklumat kepada mereka.

"Sebanyak 28 tong gas LPG berkapasiti 50 kilogram (kg), 98 tong gas LPG berkapasiti 14kg dan 26 hos getah, dianggarkan bernilai RM11,330 dirampas.

"Kita juga sedang menyiasat pemilik premis haram ini menerusi rekod berkaitan daripada pemilik tanah dan dokumen bil api serta air yang digunakan premis terbabit," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM1 juta, penjara atau kedua-duanya.

Katanya, bagi syarikat perbadanan pula boleh didenda maksimum RM2 juta.



AHMAD Ahrazzuddin (kanan) bersama pegawainya memeriksa sebahagian gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi yang dirampas di Kawasan Perindustrian Nibong Tebal. Rampasan membabitkan nilai keseluruhan sebanyak RM11,300. NSTP/Rosli Ahmad